

**MANUSKRIP MELAYU SEBAGAI WACANA KOMUNIKASI
TRADISIONAL: KAJIAN SEMIOLOGI TERHADAP
WARISAN TERENGGANU**

***MALAY MANUSCRIPTS AS A MEDIUM OF TRADITIONAL
COMMUNICATION: A SEMIOLOGICAL STUDY OF
TERENGGANU'S HERITAGE***

Ahmad Ashraf Roshata¹, Khazri Osman^{2*}, Najihah Abd Wahid³, & Mohd Fuad Othman⁴

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin^{1, 3}

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM^{2, 4}

*khazri@ukm.edu.my**

ABSTRACT

This study examines Malay manuscripts as a form of traditional communication discourse, with a specific focus on the intellectual and cultural heritage of the state of Terengganu. The approach employed is based on Roland Barthes' semiotic theory, which interprets cultural texts through the relationship between the signifier and the signified to produce a sign that conveys meaning within a specific cultural context. Jawi script, which has been the primary writing system for Malay manuscripts since the 13th century, is analysed not merely as a writing medium but as a cultural sign system that carries literal, connotative, and mythological meanings. This qualitative study applies document analysis to several key manuscripts, including Hikayat Raja Handak, Tuhfat al-Nafis, Sulalat al-Salatin, and the Terengganu Inscription Stone. The findings indicate that narrative structure, cultural symbols, and linguistic style in these manuscripts function as codes of communication that implicitly convey religious values, political authority, and Malay-Islamic identity. Symbols such as the crown, ceremonial mat, moon, and star represent layered meanings that shape a collective narrative of divine power, sovereignty, and the sanctity of knowledge. The Terengganu Inscription Stone, for instance, is interpreted as an early sign of Islamisation and the legitimisation of power, later internalised as a cultural myth. This study proposes that preservation and digitisation efforts of Malay manuscripts be conducted more comprehensively, supported by a reflective and contextual semiotic analysis. The findings reinforce the understanding that Malay manuscripts are not merely historical documents but serve as rich cultural communication discourses that are significant to the construction of national identity rooted in Malay-Islamic heritage.

Keywords: *Malay manuscripts, Jawi Script, Barthes' Semiotics, Cultural Communication Discourse, Terengganu's Intellectual Heritage*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti manuskrip Melayu sebagai wacana komunikasi tradisional dengan memberikan tumpuan khusus kepada warisan intelektual dan budaya negeri Terengganu. Pendekatan yang digunakan berasaskan teori semiotik Roland Barthes, yang mentafsir teks budaya melalui hubungan antara penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*) untuk membentuk tanda (*sign*) yang membawa makna dalam konteks tertentu. Tulisan Jawi, yang menjadi sistem tulisan utama dalam manuskrip Melayu sejak abad ke-13, dianalisis bukan sekadar sebagai medium penulisan, tetapi sebagai sistem tanda budaya yang mengandungi makna literal, konotatif dan mitologi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen terhadap beberapa manuskrip utama seperti *Hikayat Raja Handak*, *Tuhfat al-Nafis*, *Sulalat al-Salatin* dan Batu Bersurat Terengganu.

Hasil kajian menunjukkan bahawa struktur naratif, lambang budaya dan gaya bahasa dalam manuskrip berperanan sebagai kod komunikasi yang menyampaikan nilai agama, autoriti politik dan identiti Melayu-Islam secara tersirat. Simbol-simbol seperti mahkota, tikar sembah, bulan dan bintang membawa lapisan makna yang membentuk naratif kolektif tentang kuasa ilahi, kedaulatan serta kesucian ilmu. Batu Bersurat misalnya, ditafsirkan sebagai tanda awal proses Islamisasi dan legitimasi kekuasaan yang kemudiannya diterima sebagai mitos budaya. Kajian ini mencadangkan agar usaha pemuliharaan dan pendigitalan manuskrip Melayu dilaksanakan secara lebih menyeluruh, disertai dengan pendekatan analisis semiotik yang mendalam dan kontekstual. Penemuan ini memperkukuh kefahaman bahawa manuskrip Melayu bukan sekadar dokumen sejarah, manakala wacana komunikasi budaya yang kaya dengan makna dan signifikan dalam pembinaan identiti kebangsaan berasaskan warisan Melayu dan Islam.

Kata Kunci: Manuskrip Melayu, Tulisan Jawi, Semiotik Barthes, Wacana komunikasi budaya, Warisan intelektual Terengganu

PENGENALAN

Kajian terhadap manuskrip Melayu di Terengganu daripada perspektif semiotik telah muncul sebagai bidang penyelidikan yang penting berikutan peranannya sebagai sistem komunikasi budaya yang mengandungi nilai sejarah, keagamaan dan sosial. Tulisan Jawi, yang merupakan abjad Arab yang diubah suai bagi menyesuaikan dengan fonologi bahasa Melayu, telah menjadi medium utama dalam penyebaran ilmu Islam dan pembentukan identiti Melayu sejak abad ke-13, menggantikan tulisan-tulisan terdahulu seperti Pallava dan Kawi (Latif, 2014; Yahaya, 2016; Dungcik, 2017). Manuskrip-manuskrip ini bukan sahaja memelihara teks kesusasteraan dan agama, malah menjadi wadah bagi lambang budaya dan struktur naratif yang mencerminkan falsafah dan pandangan alam orang Melayu (Harun et al., 2018; Omar, 2023; Putra & Buduroh, t.th.). Kepentingan sosio-budaya manuskrip Jawi turut terserlah melalui penggunaannya dalam bidang pentadbiran, pendidikan dan penentangan terhadap pengaruh penjajahan, dengan koleksi yang berjumlah ratusan tersimpan di arkib-arkib wilayah (Rusli, 2023; Katkova, 2019). Namun begitu, peminggiran tulisan ini pada masa kini menyerlahkan keperluan mendesak untuk diberi perhatian ilmiah (Abdullah & Aziz, 2020; Ahmad et al., 2018). Masalah khusus yang ditangani dalam kajian ini ialah kurangnya analisis semiotik terhadap manuskrip Melayu di Terengganu, khususnya dari segi bagaimana tulisan Jawi, bentuk naratif dan lambang budaya berfungsi sebagai sistem makna dalam kerangka semiologi Barthes (Omar, 2023; Putra & Buduroh, t.th.; Naufal & Wirajaya, 2022). Kajian sedia ada sering memfokuskan aspek sejarah atau linguistik tanpa mengintegrasikan teori semiotik untuk menghuraikan lapisan pemaknaan yang tersirat dalam teks-teks tersebut (Latif, 2014; Gallop, 2014; Mirnawati, 2019). Tambahan pula, masih wujud perdebatan tentang sejauh mana tulisan Jawi terus mewakili identiti Melayu dalam dominasi tulisan Rumi (Abdullah & Aziz, 2020; Ibrahim & Malaysia, 2015). Tanpa analisis semiotik yang menyeluruh, kekuatan komunikasi dalam manuskrip sukar difahami sepenuhnya. Keadaan ini turut menjejaskan usaha memelihara warisan budaya tidak ketara (Ahmad et al., 2012; Dungcik, 2017). Langkah untuk menangani jurang ini penting untuk memelihara tradisi keilmuan Melayu dan membentuk dasar kebudayaan yang lebih berasaskan warisan (Rahman et al., 2017; Rizki, 2020). Kerangka konseptual kajian ini berasaskan semiologi Barthes yang mentakrifkan manuskrip sebagai sistem tanda, tulisan Jawi (penanda) menyampaikan nilai budaya dan identiti (yang ditandakan) melalui kod naratif dan simbolik (Omar, 2023; Putra & Buduroh, t.th.; Nasution, 2010). Pendekatan ini menghubungkan unsur linguistik, visual dan simbolik untuk mentafsir manuskrip sebagai teks yang kompleks dan sarat dengan nilai falsafah serta norma sosial masyarakat Melayu.

Penggabungan teori semiotik dengan kajian manuskrip membolehkan satu analisis pelbagai dimensi yang sejajar dengan matlamat penyelidikan (Omar, 2023; Putra & Buduroh, t.th.).

Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis manuskrip Melayu sebagai wacana komunikasi tradisional dengan memberi tumpuan kepada warisan Terengganu melalui pendekatan semiologi Barthes. Dengan meneliti tulisan Jawi, struktur naratif dan simbol-simbol budaya yang terkandung dalam manuskrip, kajian ini berhasrat mengungkap sistem tanda yang menyampaikan makna tersirat berkaitan nilai, identiti dan falsafah masyarakat Melayu-Islam. Pendekatan ini diharapkan dapat melengkapi kekurangan dalam bidang penyelidikan yang telah dijalankan serta memperkukuh usaha memelihara dan memahami warisan budaya tidak ketara yang kian terhakis dalam arus perubahan zaman.

PERNYATAAN MASALAH

Meskipun manuskrip Melayu telah lama diiktiraf sebagai warisan ilmu dan budaya yang penting, sebahagian besar kajian sedia ada masih memberi tumpuan kepada aspek filologi, sejarah dan linguistik semata-mata (Latif, 2014; Gallop, 2014; Harun et al., 2018). Dalam konteks negeri Terengganu yang kaya dengan warisan manuskrip serta tradisi keilmuan Islam, penyelidikan terhadap manuskrip tersebut masih belum banyak menelusuri fungsinya sebagai wacana komunikasi budaya yang mengandungi nilai, identiti dan falsafah masyarakat (Omar, 2023; Rusli, 2023). Sejak abad ke-13, tulisan Jawi menjadi sistem utama dalam manuskrip Melayu. Namun, ia sering dianggap sekadar alat penulisan, bukan sebagai sistem tanda budaya yang mengandungi makna tersirat (Yahaya, 2016; Dungcik, 2017). Hal ini telah mengehadkan pemahaman terhadap potensi tulisan Jawi sebagai unsur semiotik yang menggambarkan autoriti, keagamaan dan identiti kolektif masyarakat Melayu-Islam (Abdullah & Aziz, 2020). Dalam masa yang sama, dominasi tulisan Rumi dalam sistem pendidikan dan komunikasi semasa mengurangkan penggunaan tulisan Jawi, yang seterusnya menimbulkan pertanyaan tentang peranannya dalam kelangsungan pewarisan budaya (Ibrahim & Malaysia, 2015; Ahmad et al., 2018).

Dari aspek yang lain, kajian yang mengaplikasikan kerangka semiologi Roland Barthes terhadap manuskrip Melayu masih terhad (Putra & Buduroh, t.th.; Naufal & Wirajaya, 2022). Kekurangan analisis menyeluruh terhadap struktur naratif, lambang budaya serta hubungan penanda dan petanda dalam teks telah mengehadkan pemahaman terhadap lapisan makna yang lebih mendalam dalam wacana manuskrip (Nasution, 2010; Mirnawati, 2019). Maka, adalah wajar untuk memperluas penyelidikan yang menilai manuskrip Melayu, khususnya dari Terengganu, sebagai sistem komunikasi budaya dengan menggunakan pendekatan semiotik Barthes. Penelitian sebegini berpotensi menyumbang kepada pemeraksanaan warisan budaya tidak ketara dan memperkukuh kedudukan tulisan Jawi dalam bidang keilmuan Melayu-Islam semasa (Rahman et al., 2017; Rizki, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan analisis teks. Fokus utama diberikan kepada beberapa manuskrip Melayu warisan Terengganu yang menjadi sumber primer, termasuk *Hikayat Raja Handak*, *Tuhfat al-Nafis*, *Sulalat al-Salatin* dan manuskrip batu bersurat Terengganu. Manuskrip ini dipilih berdasarkan nilai sejarah, kandungan budaya dan penggunaan tulisan Jawi sebagai sistem komunikasi tradisional. Data sekunder terdiri daripada artikel jurnal, laporan institusi, buku ilmiah serta hasil kajian terdahulu yang berkaitan

dengan sejarah, semiotik dan pemikiran Melayu-Islam. Pemilihan sumber sekunder dilakukan secara *purposive* bagi menyokong penafsiran kandungan manuskrip dalam konteks komunikasi budaya. Analisis data dilaksanakan melalui pendekatan semiologi Roland Barthes, yang menekankan dua tahap utama: (i) denotasi, iaitu pemerhatian terhadap struktur permukaan teks, seperti bahasa, simbol, gaya dan bentuk naratif; dan (ii) konotasi, yakni pentafsiran makna tersirat dan mitos budaya yang dibawa oleh tanda-tanda tersebut. Melalui pendekatan ini, manuskrip dianalisis sebagai teks budaya yang sarat dengan sistem tanda, seterusnya membolehkan pengkaji menelusuri fungsi komunikasi, identiti dan nilai masyarakat Melayu silam yang terakam dalam teks.

Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan teori Semiotik Barthes (1977). Dalam usaha menganalisis manuskrip Melayu sebagai teks budaya, kajian ini menerapkan pendekatan semiologi yang diasaskan oleh Ferdinand de Saussure dan dikembangkan oleh Roland Barthes. Menurut Saussure dalam *Course in General Linguistics* (1916), semiologi ialah cabang sains yang mengkaji sistem tanda secara umum, merangkumi bukan sahaja bahasa lisan, tetapi juga imej visual, gerak isyarat, objek serta unsur budaya lain yang membentuk sistem pemaknaan (systems of signification). Barthes pula menegaskan bahawa meskipun semiologi bersifat eksperimental, hampir semua sistem tanda dalam masyarakat moden akhirnya melibatkan bahasa sebagai medium utama penandaan. Dalam konteks ini, kajian ini menerima pandangan Barthes bahawa bahasa bukan sahaja memainkan peranan sebagai perantara makna, tetapi menjadi model utama dalam memahami sistem komunikasi budaya. Semiotik Barthes melibatkan bukan sekadar fonem atau morfem, tetapi unit-unit pemaknaan lebih besar seperti mitos, naratif dan objek budaya. Oleh itu, setiap teks budaya termasuk manuskrip dan prasasti difahami sebagai struktur tanda yang dibina melalui hubungan antara penanda dan petanda. Barthes turut meminjam kerangka linguistik struktural seperti *langue* dan *parole*, sintagm dan sistem serta denotasi dan konotasi bagi membina satu klasifikasi ilmiah terhadap fenomena budaya. Melalui kerangka ini, kajian ini menganalisis manuskrip Melayu dengan membahagikannya kepada unit-unit bacaan (*lexia*), lalu meneliti pelbagai lapisan makna yang tersirat dalam naratif dan simbol budaya teks. Menurut beliau, penandaan (*signification*) dalam semiologi melibatkan hubungan antara *penanda* (*signifier*) dan *yang ditandai* (*signified*), yang bersama-sama membentuk *tanda* (*sign*). Untuk memahami komunikasi budaya yang tersirat dalam manuskrip Melayu, tiga pemerhatian utama Barthes dapat diaplikasikan:

a. Aktualisasi

Barthes menyatakan bahawa aktualisasi merujuk kepada penggunaan bahasa atau perkataan dalam bentuk yang jelas dan langsung. Dalam konteks manuskrip Melayu seperti *Tuhfat al-Nafis* atau *Sulalat al-Salatin*, elemen literal seperti nama raja, tempat atau peristiwa sejarah berfungsi sebagai penanda dengan makna yang nyata. Makna ini boleh dikenal pasti tanpa analisis simbolik yang mendalam dan biasanya berkaitan dengan maklumat faktual dalam teks.

b. Peluasan Sistem Penanda

Pemerhatian ini menekankan bahawa sistem tanda dalam teks tidak berfungsi secara terpisah, tetapi saling bertindih dengan sistem budaya lain seperti pakaian, makanan atau adat istiadat. Dalam manuskrip Melayu, contohnya, penggunaan lambang seperti "mahkota" atau "tikar sembah" bukan sekadar imej, tetapi mewakili kod budaya tertentu seperti kekuasaan, adat dan struktur sosial. Oleh itu, pembacaan semiotik terhadap manuskrip memerlukan pengkaji untuk memahami sistem budaya yang tersirat tanda-tanda tersebut.

c. Hubungan antara lambang dengan makna

Hubungan antara lambang dan makna bersifat kontekstual serta bergantung kepada latar budaya dan tahap pengetahuan pembaca. Sebagai contoh, simbol bulan dan bintang yang

lazim ditemukan dalam manuskrip keagamaan ditafsirkan secara langsung sebagai lambang ketuhanan dalam tradisi Islam, manakala secara konotatif pula membawa makna pencerahan rohani dan petunjuk Ilahi. Oleh sebab lambang atau penanda dalam manuskrip terdiri daripada unsur kebendaan seperti tulisan, imej atau susunan visual, analisis semiotik perlu meneliti elemen-elemen ini dengan cermat. Simbol grafik, ilustrasi dan gaya penulisan dalam teks tradisional membantu menyampaikan makna secara tersirat. Unsur-unsur ini memperlihatkan cara masyarakat dahulu mengungkapkan pemikiran dan nilai budaya mereka melalui lambang dan susunan bahasa.

Latar Keilmuan dan Pemuliharaan Manuskrip Melayu Di Terengganu

Manuskrip Melayu telah lama menjadi bukti kecemerlangan intelektual umat Islam di alam Melayu, termasuk di negeri Terengganu. Menurut Harun Mat Piah (2016), sumbangan ulama silam terbukti melalui kewujudan kira-kira 22,000 manuskrip dalam pelbagai bidang ilmu. Di Terengganu sahaja, ulama tempatan telah menghasilkan pelbagai khazanah ilmu yang didokumentasikan mengikut teknologi penulisan ketika itu. Batu Bersurat merupakan antara contoh manuskrip paling ikonik yang menjadi simbol awal penyebaran Islam di negeri ini. Pelbagai naskhah dalam bidang fiqh, usul fiqh, usuluddin, tasawuf, tafsir dan hadis telah dikarang dan diamalkan oleh masyarakat Islam pada masa lalu. Perkara ini memperlihatkan peranan manuskrip sebagai medium dokumentasi dan komunikasi ilmu dalam tradisi keilmuan mereka (Wan Ali Haji, 2014). Di Malaysia, usaha pelestarian manuskrip Melayu dilaksanakan secara sistematik melalui penubuhan Pusat Manuskrip Melayu oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 1985, yang kemudiannya diangkat sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu pada tahun 2004. Sejak itu, PNM telah menyusun dan menerbitkan sepuluh siri Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Katalog pertama yang bertajuk *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas* diterbitkan secara berperingkat antara tahun 1987 hingga 1990, diikuti penyusunan dan penerbitan katalog baharu bermula tahun 2000. Keseluruhan sepuluh katalog tersebut telah menghimpunkan sejumlah 4,884 naskhah asli manuskrip Melayu lama, angka yang masih kecil berbanding puluhan ribu manuskrip yang diketahui wujud di seluruh dunia.

Lebih penting lagi, Dewan Bahasa dan Pustaka turut memainkan peranan dalam pelestarian warisan ini melalui penubuhan Pusat Manuskrip Melayu di bawah Pusat Dokumentasi Melayu, yang setakat ini telah menghimpunkan lebih daripada 400 manuskrip Melayu lama (Awang Sariyan, 2019). Meskipun demikian, masih terdapat banyak manuskrip Jawi yang belum dikaji dan dikatalogkan. Menurut Nafisah Ahmad (2015), sebanyak 4,600 manuskrip Jawi dalam pelbagai bidang ilmu berada dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia tanpa kajian menyeluruh. Manuskrip bertulisan Jawi dianggap sangat signifikan bagi umat Melayu Islam kerana kebanyakan karya terdahulu ditulis dalam tulisan ini. Menurut Makmur Haji Harun (2017), manuskrip Jawi merupakan khazanah penting yang menjadi rujukan pelbagai bidang termasuk sejarah. Salah satu contoh ialah Manuskrip *Hikayat Raja Handak* yang mengisahkan tentang kepahlawanan zaman Rasulullah SAW, sekali gus menunjukkan potensi teks sebagai alat komunikasi nilai dan identiti (Abdul Hamid, 2019). Tulisan Jawi dalam *Hikayat Raja Handak* bukan sahaja berfungsi sebagai medium penulisan, tetapi juga sebagai penanda (signifier) yang memaparkan kehalusan estetika dan keilmuan masyarakat Melayu silam. Bentuk naratif hikayat ini memperlihatkan struktur konotatif melalui penggunaan metafora raja sebagai bayangan kepimpinan Ilahi dan pembela umat, yang membawa petanda (signified) kekuasaan suci dan amanah ketuhanan. Apabila naratif ini berulang dalam pelbagai manuskrip seumpamanya, naratif ini membentuk mitos kedaulatan raja Melayu sebagai pilihan Ilahi, yang kemudiannya diterima sebagai kebenaran budaya tanpa dipersoalkan. Oleh yang demikian, pendekatan semiotik Barthes membolehkan analisis ini merungkaikan bagaimana struktur tulisan dan naratif manuskrip menyumbang kepada pemaknaan kuasa, identiti dan nilai masyarakat silam secara simbolik dan sistematik.

Kajian ini turut memberi penekanan terhadap usaha pendokumentasian manuskrip yang belum dikatalogkan. Awang Sariyan (2020) menyatakan bahawa puluhan ribu manuskrip Melayu dalam bidang agama, ketatanegaraan, sejarah, undang-undang, perubatan, persenjataan dan surat rasmi masih belum diklasifikasikan. Kajian ini memberi tumpuan kepada 14 manuskrip Jawi di Muzium Terengganu yang akan diklasifikasikan mengikut bidang ilmu untuk memudahkan penyelidikan. Antara contoh manuskrip penting termasuklah catatan mengenai Sekretaris Sultan Terengganu sebagaimana dicatat oleh Mohd Shaghir (2000). Kandungan manuskrip ini jelas menunjukkan kepelbagaian fungsi teks dalam bidang pentadbiran dan agama. Justeru, pengelompokan manuskrip mengikut bidang ilmu adalah penting bagi mengelakkan kekeliruan dalam penyelidikan serta memudahkan akses oleh pelajar, pengkaji dan masyarakat umum. Mengikut rekod Dewan Bahasa dan Pustaka (2021), sebanyak 343 judul manuskrip telah dikenal pasti, dengan 182 daripadanya merangkumi pelbagai disiplin seperti bahasa, biografi, agama, kesusasteraan rakyat, perubatan tradisional, sejarah dan undang-undang. Muhammad Saufi dan Nor Asyikin (2021) pula melaporkan bahawa masih banyak manuskrip bernilai tinggi tersimpan di luar negara, termasuk yang belum dikatalogkan di institusi luar. Anne Muhammad (2017) memetik kenyataan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bahawa pihak Perpustakaan Negara sedang melaksanakan satu inisiatif berskala besar bagi mengumpulkan lebih 20,000 manuskrip yang berkaitan dengan ketamadunan Melayu, termasuk lebih 15,000 naskhah yang dikenal pasti berada di luar negara. Menurut Datuk Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah, objektif utama usaha ini adalah untuk mewujudkan sebuah pangkalan data induk manuskrip Melayu yang boleh diakses oleh pelbagai pihak bagi tujuan kajian dan pembelajaran. Walaupun sebahagian besar manuskrip tersebut belum diperoleh dalam bentuk salinan fizikal, kewujudannya telah dikenal pasti melalui aktiviti pengesanan. Hasil siasatan menunjukkan hanya 4,884 naskhah asal yang kini disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia, manakala selebihnya berada di pelbagai institusi di luar negara, termasuk di Rusia, Algeria dan Jerman. Usaha pengesanan dan dokumentasi manuskrip ini akan terus diperkasakan sebagai sebahagian daripada agenda nasional untuk memelihara, merekodkan serta menginstitusikan warisan ilmu Melayu dalam bentuk digital yang tersusun. Pendigitalan ini bukan sahaja berperanan sebagai strategi pemuliharaan, tetapi juga sebagai usaha pembudayaan ilmu dan pengukuhan identiti kebangsaan melalui akses terbuka kepada sumber primer ketamadunan Melayu.

Dapatlah dikatakan bahawa cabaran utama yang melingkari dunia manuskrip Melayu silam bukan sahaja melibatkan isu kepupusan fizikal dan kurangnya usaha pemuliharaan bersepadu, malah turut membabitkan kekurangan pendekatan *analytical* yang mampu mengangkat manuskrip sebagai teks budaya yang signifikan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menilai semula manuskrip Melayu khususnya warisan Terengganu sebagai satu bentuk wacana komunikasi tradisional yang sarat dengan makna simbolik. Kajian ini menggunakan pendekatan semiologi untuk meneliti sistem tanda dan makna dalam teks manuskrip. Melalui analisis ini, manuskrip diketengahkan sebagai medium penting dalam menyampaikan budaya, ilmu dan identiti bangsa yang wajar terus dikaji dan dihargai.

ANALISIS KOMUNIKASI TRADISIONAL DALAM MANUSKRIP MELAYU MELALUI PERSPEKTIF SEMIOTIK

Manuskrip Melayu merujuk hasil penulisan tangan dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi yang telah dihasilkan sejak abad ke-16 hingga awal abad ke-20. Menurut Perpustakaan Negara Malaysia (2019), manuskrip ini merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti kesusasteraan, sejarah, agama, undang-undang, perubatan dan ketatanegaraan, serta turut mengandungi unsur mistik seperti azimat dan petua. Penanda katalog seperti "MSS" lazim digunakan untuk mengenal pasti koleksi manuskrip ini. Berdasarkan laporan Pusat Dokumentasi Manuskrip (2021), sebanyak 343

judul manuskrip telah dikumpulkan, melibatkan variasi aksara seperti Jawi, Rumi, Sanskrit, Bugis, Rencong dan Palava serta ditulis pada pelbagai medium termasuk kertas, buluh dan daun lontar. Keanekaragaman ini mencerminkan kekayaan semiotik yang merentasi bentuk, fungsi dan nilai budaya dalam khazanah Melayu. Antara bidang penulisan yang sering diketengahkan dalam kajian manuskrip Melayu termasuklah bidang keagamaan Islam, yang kebanyakannya ditulis dalam tulisan Jawi dan Arab. Kandungan karya dalam bidang ini meliputi pelbagai cabang ilmu seperti tajwid, fekah, tasawuf, akhlak dan sejarah Islam. Sementara itu, bidang tradisi tempatan turut tergambar melalui karya-karya berunsur hikayat, kebudayaan dan perubatan tradisional yang memperlihatkan keunikan serta keluasan warisan ilmu masyarakat Melayu.

Kajian terhadap manuskrip Melayu memainkan peranan penting dalam mengisi kelompangan ilmu yang masih wujud, khususnya bagi memahami falsafah dan jati diri bangsa Melayu secara lebih menyeluruh. Namun, setakat ini hanya sekitar 30 peratus daripada kira-kira 20,000 manuskrip Melayu yang dikenal pasti di seluruh dunia telah dikaji secara mendalam (Asmak et al., 2013). Dalam konteks ini, teori semiologi yang diperkenalkan oleh Barthes (1977) memberikan kerangka penting untuk memahami teks sebagai sistem tanda yang membina makna berdasarkan hubungan antara penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*), yang kemudiannya membentuk tanda (*sign*) dalam sesuatu konteks budaya. Kerangka ini menjelaskan bahawa setiap teks, termasuk manuskrip Melayu, bukan sekadar menyampaikan maklumat literal, tetapi turut mencerminkan wacana budaya yang sarat dengan makna yang tersirat. Pandangan ini disokong oleh Awang Sariyan (2020), yang menegaskan bahawa lebih 20,000 manuskrip Melayu yang tersimpan di pelbagai institusi antarabangsa bukan sekadar membuktikan keluasan ilmu bangsa Melayu dalam pelbagai bidang, malah berfungsi sebagai sistem komunikasi budaya yang dinamik dan terus relevan dalam wacana ilmu kontemporari.

Dalam kerangka semiologi, Barthes (1977) menekankan bahawa proses penandaan terbentuk daripada hubungan antara penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*) untuk menghasilkan tanda (*sign*) yang membawa makna dalam konteks budaya tertentu. Hal ini disokong oleh Awang Sariyan (2020) yang menegaskan bahawa lebih 20,000 manuskrip Melayu yang tersimpan di pelbagai institusi antarabangsa menjadi bukti akan keluasan ilmu bangsa Melayu dalam pelbagai bidang, selain berperanan sebagai sistem komunikasi budaya yang dinamik. Makmur et al. (2017), menerusi analisis terhadap *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat al-Salatin*, turut membuktikan bahawa simbol serta struktur naratif dalam manuskrip Melayu memperlihatkan penggunaan sistem tanda budaya yang kompleks. Simbol seperti “mahkota” dan “keris” bukan sekadar hiasan visual, malah membawa makna ideologi yang berkait rapat dengan lambang kekuasaan, maruah dan kedaulatan dalam struktur sosial masyarakat terdahulu. Unsur ini memperlihatkan peluasan sistem tanda yang merangkumi bukan sahaja bidang kesusasteraan, tetapi juga aspek budaya material, selaras dengan pemerhatian kedua dalam kerangka pemikiran Barthes.

Tulisan Jawi Sebagai Sistem Tanda Dalam Manuskrip dan Sumbangan Terhadap Komunikasi Ilmu dan Budaya

Tulisan Jawi bukan sekadar medium penulisan utama dalam manuskrip Melayu, malah merupakan *penanda* visual yang membawa *petanda* kepada sistem dokumentasi ilmu dan warisan budaya Melayu-Islam. Dari sudut semiotik Roland Barthes, struktur tulisan ini mewakili *konotasi* identiti keilmuan dan keagamaan masyarakat silam. Penyebaran tulisan Jawi dalam Kesultanan Melayu seperti Johor, Pattani dan Melaka memperkukuh pandangan bahawa tulisan ini melambangkan sistem ilmu dan ketamadunan Melayu-Islam yang diiktiraf. Dengan itu, setiap aksara dan gaya penulisan dalam manuskrip bukan hanya menyampaikan teks, namun turut

memuatkan naratif yang menstrukturkan persepsi budaya terhadap ilmu dan agama. Evolusi bahan penulisan daripada batu dan pahat kepada kertas, kulit kayu dan daun lontar merupakan perubahan bentuk *penanda* fizikal yang terus membawa *petanda* terhadap nilai keilmuan dan peradaban Melayu. Dalam kerangka pemikiran Barthes, kepelbagaian bidang seperti bahasa, falsafah dan agama dalam manuskrip Jawi membawa makna konotatif yang luas. Dunia ilmu yang terbina dalam teks tersebut bersifat merentas generasi dan mencerminkan kesinambungan keilmuan Melayu-Islam. Setiap medium yang digunakan bukan sekadar menyimpan teks, tetapi turut mengukuhkan *mitos* bahawa manuskrip ialah lambang keberterusan tamadun dan bukti ketulenan ilmu yang diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Simbol-simbol yang tersusun dalam struktur naratif manuskrip memperlihatkan penggunaan sistem tanda yang berfungsi menyampaikan makna tersirat berkaitan nilai dan pandangan dunia masyarakat Melayu.

Penggunaan tulisan Jawi tersebar luas dalam lingkungan Kesultanan Melayu seperti Johor, Brunei, Suluh, Pattani, Melaka, Ternate dan Aceh, khususnya dalam urusan persuratan istana dan perdagangan antarabangsa. Menurut Jabatan Warisan Negara (2021), judul-judul manuskrip diklasifikasikan mengikut istilah seperti *hikayat*, *syair*, *kitab*, *kanun* dan *salasilah*. Judul-judul ini menunjukkan keluasan wacana dan cakupan ilmu yang disampaikan serta menjadi petanda genre dalam komunikasi tradisional masyarakat silam. Bentuk prosa dan puisi pula berfungsi sebagai wasilah utama penyampaian ilmu. *Hikayat* digunakan untuk merekodkan sejarah dan undang-undang secara alegori, manakala *syair* menjadi medium menyampaikan nilai moral, akidah dan tasawuf secara simbolik dan retorik. Menurut kajian Makmur et al. (2017) terhadap manuskrip *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat al-Salatin*, kedua-dua karya agung tersebut membuktikan keupayaan penulis Melayu dalam menggunakan tulisan Jawi sebagai alat komunikasi berpengaruh dan berkesan. Kedua-dua teks ini bukan sahaja mengandungi maklumat sejarah, malah turut berperanan sebagai sistem tanda budaya yang membentuk identiti dan naratif bangsa. Oleh itu, kepentingan kajian terhadap manuskrip Jawi lama amat signifikan kerana dapat membantu menyingkap struktur komunikasi tradisional yang menjadi asas kepada pembentukan pemikiran, nilai dan warisan Melayu-Islam.

Oleh itu, pendekatan semiotik Barthes membuka ruang tafsiran yang lebih mendalam terhadap manuskrip Melayu. Manuskrip bukan sekadar teks sejarah, tetapi sebagai wacana komunikasi budaya yang kaya dengan struktur tanda dan sistem makna. Melalui hubungan antara penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*), unsur seperti pilihan bahasa, bentuk penceritaan, gaya penulisan dan lambang visual dalam manuskrip digunakan untuk menyampaikan pandangan, nilai budaya dan identiti masyarakat terdahulu. Konotasi yang terbentuk daripada lambang budaya ini seterusnya berkembang menjadi mitos dalam masyarakat, sebagaimana dihuraikan oleh Barthes (1977), apabila makna-makna ideologikal terus diterima tanpa pertikaian. Pendekatan ini membantu memperkukuh kefahaman tentang peranan tulisan Jawi dan naratif tradisional dalam membentuk sistem komunikasi masyarakat silam. Pada masa yang sama, manuskrip Melayu diangkat sebagai arkib budaya yang dinamik dan bermakna, sejajar dengan usaha menilai semula warisan Terengganu sebagai wacana komunikasi signifikan.

Batu Bersurat dan Ulama Terengganu dalam Sistem Tanda Komunikasi Islam Tradisional

Batu Bersurat Terengganu dianggap sebagai bukti terawal sistem penulisan Islam di alam Melayu yang menggabungkan nilai agama, identiti dan struktur sosial. Menurut Abd Rahim et al. (2010), batu bersurat bertarikh 1303 Masihi itu menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di Pantai Timur sejak abad ke-14 mendahului proses Islamisasi di Melaka. Teuku (1995) menegaskan bahawa inskripsi ini merupakan prasasti pertama yang mengadaptasi tulisan Arab kepada bahasa Melayu melalui tulisan Jawi yang kemudiannya menjadi tulisan rasmi di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Sharifah Nor, 2006). Dalam kerangka semiotik Barthes (1977), batu bersurat berfungsi sebagai penanda kepada petanda wacana Islamisasi dan legitimasi kuasa politik. Apabila

sesuatu makna diulang secara berterusan dalam pelbagai teks, pengulangan itu membentuk satu sistem tanda yang berlapis sehingga melahirkan mitos budaya, iaitu naratif pengislaman yang diterima sebagai fitrah dan tidak lagi dipersoalkan. Kehadiran tokoh ulama seperti Sheikh Duyung, Tokku Paloh, Tok Pulau Manis dan Tokku Tuan Besar pada abad ke-18 hingga ke-20 memperkukuh penyebaran komunikasi bertulis melalui manuskrip. Karya mereka seperti *Kanz al-Ula Sirah al-Nabawiyah* dan *al-Durrah al-Fakhirat* bukan sahaja kaya dengan ilmu tetapi turut memperlihatkan struktur semiotik yang kompleks melalui gaya retorik penggunaan metafora dan lambang budaya (Yusof Embong, 1987).

Barthes (1977) menyatakan bahawa sistem tanda melibatkan bukan sahaja bahasa tetapi juga unsur kebendaan. Dalam konteks manuskrip penggunaan istilah Arab susunan ayat dalam tulisan Jawi serta ilustrasi visual berperanan sebagai peluasan sistem tanda yang menyampaikan makna literal konotatif dan mitologis. Simbol seperti “mahkota” atau “cahaya kebenaran” membawa makna metafora yang merujuk kepada kuasa Ilahi dan nilai spiritual. Apabila makna ini berulang dalam teks-teks keagamaan ia membentuk mitos kolektif tentang kedudukan ulama sebagai pewaris kenabian dan penjaga identiti Islam selaras dengan konsep mitos dalam semiologi Barthes (1977). Menurut Salleh (2010), keterlibatan tokoh luar seperti H S Peterson dalam kajian terhadap Batu Bersurat turut membuktikan nilainya sebagai objek semiotik yang merentas sempadan lokal. Maka dalam pendekatan Barthes Batu Bersurat dan manuskrip ulama Terengganu tidak wajar dilihat semata-mata sebagai peninggalan sejarah sebaliknya sebagai sistem tanda budaya yang mengungkapkan kuasa simbolik Islam keilmuan dan wacana identiti. Analisis terhadap Batu Bersurat dan karya-karya ulama Terengganu memperlihatkan bahawa setiap elemen dalam teks seperti tulisan Jawi, simbol linguistik dan struktur naratif berperanan sebagai sistem tanda yang menyampaikan makna berlapis mengenai kuasa, agama dan identiti. Pendekatan semiotik Barthes membolehkan teks-teks ini ditafsirkan bukan sekadar sebagai rekod sejarah, malah sebagai wacana budaya yang mengungkap mitos sosial berkenaan proses Islamisasi serta legitimasi kepimpinan berteraskan agama. Pemaknaan ini menunjukkan bahawa komunikasi tradisional Melayu-Islam tidak bersifat literal. Sebaliknya, ia mengandungi konotasi ideologi yang diwarisi dan dipelihara melalui manuskrip serta batu bersurat sebagai warisan budaya yang bernilai tinggi.

KESIMPULAN

Kajian ini menyorot peranan manuskrip Melayu, khususnya warisan Terengganu, sebagai wacana komunikasi budaya yang tersusun melalui sistem tanda. Ia bukan sekadar dokumen sejarah, sebaliknya menjadi cerminan nilai keagamaan, legitimasi politik dan identiti Melayu-Islam. Melalui kerangka semiotik Barthes, unsur seperti tulisan Jawi, naratif simbolik dan ikonografi dalam manuskrip dijelaskan sebagai penanda kepada petanda budaya yang lebih luas. Simbol kuasa dan agama yang diterima tanpa soal akhirnya membentuk adat dan mitos budaya yang dihayati sebagai sebahagian daripada cara hidup. Pendekatan ini menawarkan sudut pandang baharu yang melangkaui filologi dan sejarah konvensional, dengan memberi tumpuan kepada makna tersirat dan ideologi yang tersimpan dalam teks.

Oleh itu, usaha mendokumentasikan, mendigitalkan dan menganalisis manuskrip secara semiotik perlu diperkukuh untuk manfaat pendidikan dan pembinaan jati diri bangsa. Penyelidikan lanjutan boleh membandingkan simbol daripada pelbagai negeri atau menganalisis pola makna secara lebih sistematik. Namun demikian, cabaran akses kepada naskhah asli dan tafsiran simbol yang agak kompleks sememangnya memerlukan kerjasama rentas bidang, khususnya antara ahli sejarah, bahasa dan budaya. Kajian sebegini penting dalam mengangkat manuskrip sebagai warisan hidup yang terus membentuk pemikiran dan tamadun masyarakat Melayu-Islam.

RUJUKAN

- Abd Rahim, R. A., Ismail, P. H., Abd Majid, M. K., & Md. Dahlal, N. H. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran terhadap Pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, (7), 107–148.
- Anne Muhammad. (2017, October 10). 15000 manuskrip lama Melayu masih bertebaran di luar negara. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/397898>
- Awang Sariyan. (2016). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmak Hj. Ali, Fatimah Hj. Salleh, & Che Zaharah Abdullah. (2013). *Penulisan manuskrip Melayu-Islam: Satu tinjauan awal*. Dalam Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan (hlm. 228–237).
- Barthes, R. (1977). *Elements of Semiology* (A. Lavers & C. Smith, Trans.; Reprint ed.). USA: Hill & Wang.
- Braginsky, V. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. (2019). Sistem tulisan Jawi dalam manuskrip Hikayat Raja Handak MS172 (1832M) [*Jawi writing system in the manuscripts of Hikayat Raja Handak MS172 (1832M)*]. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 129–136. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no1.11>
- Harun Mat Piah. (2016). *Kebangkitan Intelektual Alam Melayu Nusantara – Kesannya Kepada Pemantapan Epistemologi Melayu tradisional*. Dalam Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara, Perpustakaan Negara Malaysia, 7–8 November 2016. Kuala Lumpur: PNM.
- Makmur Haji Harun. (2017). *Historiografi manuskrip Jawi Nusantara: Analisis Sejarah dalam Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin*. Perak: UPSI.
- Mamat, M. A. (2017). Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 66–88.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2000). *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara* (Jld 3). Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- Abdullah, Z., & Aziz, A. Y. A. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan (*Abandonment of Jawi Script as a Symbol of Malay Identity: A Case Observation Research*).
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2012). Cabaran Semasa Tulisan Jawi Sebagai Warisan Masyarakat Peradaban Bangsa Melayu. *Journal of Techno-Social*, 4(2),
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2018). Tinjauan Terhadap Cabaran Semasa Tulisan Jawi Sebagai Warisan Masyarakat Peradaban Bangsa Melayu. *Journal of Techno-Social*, 10(1). <https://doi.org/10.30880/JTS.2018.10.01.007>
- Bety, B., Rusli, R., Choirunniswah, C., Syawaluddin, M., & Maryam, M. (2023). Cultural Reproduction of the Jawi Book in the Recitation Tradition in Palembang. *Khazanah Sosial*. <https://doi.org/10.15575/ks.v5i4.22677>
- Burhanudin, J. (2022). Two Islamic Writing Traditions in Southeast Asia: Kitab Jawi and Kitab Kuning with Reference to the Works of Da'ud Al-Fatani and Nawawi Al-Bantani. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 60(1), 1-28. <https://doi.org/10.14421/ajis.2022.601.1-28>
- Coluzzi, P. (2020). Jawi, an Endangered Orthography in the Malaysian Linguistic Landscape. *International Journal of Multilingualism*, 19(4), 630-646. <https://doi.org/10.1080/14790718.2020.1784178>

- Dungcik, M. (2017). Jawi's Writing as a Malay Islamic Intellectual Tradition. *Journal of Malay Islamic Studies*, 1(2), 113-120. <https://doi.org/10.19109/JMIS.V1I2.3840>
- Dungcik, M., & Bety, B. (2014). Standarisasi Sistem Tulisan Jawi di Dunia Melayu: Sebuah Upaya Mencari Standar Penulisan yang Baku Berdasarkan Aspek Fonetis.
- Gallop, A. T. (2014). Royal Minangkabau seals. *Indonesia and The Malay World*, 43(126), 270-297. <https://doi.org/10.1080/13639811.2014.957572>
- Hakim, A. B., Osman, R. A., Mohamad, A., & Zainal, H. B. (2022). Jawi Writing as a Tool for Islamization of Knowledge. *Al Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 5(3 Special Issue), 116-127. <https://doi.org/10.46722/hikmah.v5i3g>
- Hamid, F. A. F. A. (n.d.). Perkembangan Kaedah Tulisan Jawi, Analisa Beberapa Karya Raja Ali Haji Kelana. <https://doi.org/10.22452/jat.vol2no1.4>
- Hamid, F. A. F. B. A. (n.d.). Sistem Tulisan Jawi dalam Manuskrip Hikayat Raja Handak ms172 (1832m) (Jawi Writing System in the Manuscripts of Hikayat Raja Handak ms172 (1832m)). <https://doi.org/10.22452/jat.vol14no1.11>
- Hann, R. (2023). Moro Letters. https://doi.org/10.1007/978-981-19-0821-7_8
- Harun, M. H., Aziz, M. K. N. A., Rahim, E. A. A., Shuhairimi, A., & Ahmad, Y. (2018). Jawi Writing in Malay Archipelago Manuscript: A General Overview. <https://doi.org/10.1051/MATECCONF/201815005054>
- Hashim, S. N. I. B., Sidek, R. B. S. M., & Arshad, I. S. M. R. (n.d.). Tulisan Jawi Pelopor Keilmuan di Alam Melayu: Satu Kajian Awal. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3578>
- Hijjas, M. (2010). Not Just Fryers of Bananas and Sweet Potatoes: Literate and Literary Women in the Nineteenth-Century Malay World. *Journal of Southeast Asian Studies*, 41(1), 153-172. <https://doi.org/10.1017/S0022463409990294>
- Hijjas, M. (2015). *Entries 25 and 42 in a Jawi Sourcebook for the Study of Malay Palaeography and Orthography*.
- How Jawi Script Influences Religious Attitudes: An Evidence from Aceh. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 11(2), 633-633. <https://doi.org/10.26811/peuradeun.v11i2.922>
- Ibrahim, N., & Malaysia, I. (2015). *Jawi Script in Hadith Literatures in Malaysia: Issues and Challenges*.
- Katkova, I. R. (2019). Letters from the Malay Sultanates of the 17th and 18th Centuries: An Unknown Collection in St. Petersburg. *Itinerario*, 43(1), 32-46. <https://doi.org/10.1017/S0165115319000044>
- Kratz, E. U. (2006). Like a Fish Gasping for Water: The Letters of a Temporary Spouse from Bengkulu. *Indonesia and The Malay World*, 34(100), 247-280. <https://doi.org/10.1080/13639810601130119>
- Latif, F. B. A. (2014). Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi: Analisis Mengenai Teori Kang Kyoung Seok (Historical Development Of Jawi Script: Analysis To Theory Of Kang Kyoung Seok). *Journal of Al-Tamaddun*, 9(2), 1-15.
- Majid, G. M. (2019). Diplomatic correspondence: A comparative study on malay and javanese letters in 1800s. <https://doi.org/10.22146/IKAT.V2I2.39239>
- Mirnawati, M. (2019). Analisis semiotika dalam Teks al-Barzanji. <https://doi.org/10.31314/AJAMIY.8.1.31-52.2019>
- Mohamed, N. (2018). "Jawi" Language and its Role in Establishment Civilization of Malayonesia. <https://doi.org/10.19109/JMIS.V2I1.2735>
- Mu'jizah, M., & Mujiningsuh, E. N. (2023). Identitas dan Spirit Hidup ke Inspirasi Literasi Budaya: Studi Hikayat Hang Tuah. *Aksara*, 35(1), 40-40. <https://doi.org/10.29255/aksara.v35i1.955.40--52>

- Nasir, N. E. B. C. (2001). *Digitisation of an Endangered Written Language: The Case of the Jawi Script*.
- Nasution, I. (2010). *Sistem dan Kode Semiotika dalam Sastra: Suatu Proses Komunikasi*.
- Naufal, M. A., & Wirajaya, A. Y. (2022). Konsep Jihad dalam Hikayat Samaun: Sebuah Tinjauan Semiotika Roland Barthes. *LOA: Jurnal Ketatabahasaan dan Kesusastraan*, 17(1), .
<https://doi.org/10.26499/loa.v17i1.2871>
- Omar, A. H. (2022). *Symbolisation in Ancient Tales: A Special Reference to the Malay Text Hikayat Merong Mahawangsa*. <https://doi.org/10.47298/jala.v4-i3-a2>
- Omar, A. H. (2023). *Symbolisation in Ancient Tales: A Special Reference to the Malay Text Hikayat Merong Mahawangsa*. <https://doi.org/10.47298/cala2022.1-1>
- Othman, A. H. B. (2020). *Shafi'i Scholars in Malay Manuscript*.
<https://doi.org/10.36099/AJAHSS.2.8.2>
- Putra, R., & Buduroh, M. (n.d.). *Pemaknaan dan Simbolisasi Ikan dalam Khazanah Naskah Melayu: Analisis Semiotika Roland Barthes*.
<https://doi.org/10.15408/dialektika.v10i2.35396>
- Rahman, N. A. A., Amin, N. M., & Razali, W. N. (2017). *Persepsi Pelajar Melayu Uniten Berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi Sebagai Lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi Sebagai Lambang Identiti Bangsa Melayu Beragama Islam*.
<https://doi.org/10.33102/SAINSINSANI.VOL2NO1.49>
- Rahman, R. A., Riadussolihin, R., & Herlina, L. (2024). Degradasi Serapan Aksara Arab dan Melemahnya Pengaruh Islam: Analisis Historis Terhadap Aksara Aljamiado, Xiaojing dan Jawi. *El-Tsaqafahnull*. <https://doi.org/10.20414/tsaqafah.v23i1.9832>
- Rakhadiyanti, M. A., & Limbong, P. F. (2020). *Islamic Custom of Letter and Seal in Sarakata Manuscript "Surat-Surat dari Aceh"*. <https://doi.org/10.31291/HN.V9I2.574>
- Rizki, S. (2020). *Nurturing Jawi Through Education: Mirroring Jawi Education in Aceh and Malaysia*. <https://doi.org/10.22146/IKAT.V3I2.45276>
- Rusli, R. (2023). Manuskrip Beraksara Jawi Pada Khazanah Pustaka EAP British Library. *Ulumuddin: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, 13(1), 115-136.
<https://doi.org/10.47200/ulumuddin.v13i1.1625>
- Shariffudin, S. H. B., Osman, R. A., Majlan, N. S. B., & Yazid, N. H. B. M. (2022). Islamic Perspective in 'Hikayat Raja-Raja Pasai' and Its Relevance in the Contemporary Muslim World. *Al Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 5(3 Special Issue), 79-95. <https://doi.org/10.46722/hikmah.v5i3e>
- Song, M. A. H. A. (2024). Analisis Persepsi Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Selatan Thailand Terhadap Tulisan Jawi: Kajian Kes Pelajar Kolej Islam Syekh Daud Al-Fathani (KISDA), Yala, Thailand. *Melayu*, 17(2), 189-220.
[https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no2)
- Yusof Embong. (1987). Haji Wan Abdullah Haji Wan Mohd Amin (Tuk Syekh Duyung). *Pesaka: Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu*, 4, 75-107.
- Wan Ali Haji Wan Mamat. (1988). *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2019, Oktober 15-17). *Sumbangan manuskrip Melayu lama kepada peradaban bangsa*. Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Lama, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nafisah Ahmad. (2015, Oktober 27). *4,600 manuskrip tulisan Jawi belum dikaji*. Berita Harian Online.